

# Norma baharu PdP TVET perlu kerahan idea

**Perubahan** dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) akibat pandemik COVID-19 menuntun bidang latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) berubah secara total.

Walaupun PdP secara dalam talian semakin mendapat tempat, TVET dilihat lebih banyak terkesan memandangkan ia lebih banyak berorientasikan praktikal dan dijalankan secara bersemuka.

Justeru, pengurusan efektif PdP kemahiran dilihat suatu kemestian bagi memastikan matlamat penghasilan tenaga kerja industri berkualiti dapat dilaksanakan berterusan. Ia juga penting untuk mengurangkan risiko dalam melahirkan tenaga kerja mahir sekiranya situasi

pandemik berulang.

Pembelajaran kemahiran bagi tenaga kerja di industri membabitkan tiga ciri utama iaitu kemahiran teknikal, pengetahuan berkaitan bidang pekerjaan dan nilai bersesuaian dengan bidang pekerjaan dipelajari.

Untuk menepati ciri terbabit, pendekatan pengajaran boleh dicadangkan adalah secara teradun iaitu gabungan antara pembelajaran dalam talian dan

secara bersemuka mengikut prosedur operasi standard (SOP) bersesuaian.

Perjumpaan secara bersemuka hanya dilakukan jika PdP tidak mungkin boleh berlaku secara dalam talian. Namun jika perlu melakukannya secara sendiri, digalakkan untuk disediakan kit pembelajaran khusus bagi latihan praktikal untuk mengukuhkan kemahiran pelajar.

Dalam hal ini, penyertaan industri digalakkan untuk membantu menyediakan kit pembelajaran, dengan memasukkan elemen kemahiran diperlukan.

Video pembelajaran juga perlu dihasilkan untuk memperlihatkan bagaimana prosedur kerja dilakukan. Setiap satu proses kerja perlulah disertakan bersama kit pembelajaran. Ini penting untuk membantu pelajar mengukuhkan pemahaman dan kemahiran mereka.

Penggunaan perisian pendidikan simulasi disarankan bagi memantapkan kemahiran teknikal pelajar. Elemen tertentu dalam perisian boleh dimanipulasikan bagi mendapatkan kesan berbeza. Contohnya, campuran ramuan tertentu dalam masakan akan mempengaruhi rasa masakan dihasilkan.

Dalam hal ini, tenaga pengajar disarankan membuat persiapan awal secara berkumpulan untuk menyediakan kit pengajaran bersesuaian dengan topik.

Untuk menilai pembelajaran berasas-

kan kemahiran teknikal pula, kit khusus untuk penilaian berserta video proses kerja dilakukan pelajar disaran diguna pakai.

Guru atau pensyarah boleh menyediakan kit penilaian yang boleh digunakan pelajar di rumah masing-masing dan kit penilaian yang siap boleh dihantar semula kepada guru atau pensyarah untuk penilaian.

Penyediaan rubrik penilaian selari kehendak industri amat digalakkan bagi memastikan penilaian menepati permintaan tenaga kerja semasa. Rubrik penilaian hendaklah diberikan seawal mungkin dalam proses pembelajaran.

Ia bagi memastikan pelajar tahu apakah jangkaan kualiti kerja amali diinginkan. Tenaga pengajar juga boleh mewajibkan pelajar merakam aktiviti amali mereka di rumah untuk membantu proses pemarkahan nanti.

Kemahiran menguruskan pembelajaran dalam talian amat diperlukan, terutama dari segi kemahiran mengendalikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bersesuaian, sama ada perisian atau peralatan yang akan digunakan.

Tenaga pengajar juga boleh menggunakan perisian untuk merakam video proses amali dan diberikan kepada pelajar untuk rujukan bagi topik berkaitan.

Ia memudahkan pelajar mengikut

langkah seperti video disediakan. Kemudahan pembelajaran dan infrastruktur perlu disediakan bersesuaian dengan kemahiran teknikal yang akan diajar.

Kemudahan peralatan dan bahan amat penting untuk pelaksanaan pembelajaran TVET, apatah lagi dengan keadaan pandemik yang tidak memungkinkannya kehadiran pelajar dan pengajar secara bersemuka dengan kerap.

Usaha ke arah pemeraksanaan pendidikan TVET yang dinamik sudah pasti memerlukan kerahan idea dan sumbangan tenaga pelbagai pihak.

Kreativiti dan keupayaan membangunkan pengurusan efektif dalam menyediakan keperluan pembelajaran jarak jauh bagi bidang kemahiran sangat dituntut masa kini. Jika tidak, proses melatih tenaga manusia berkejuruan sukar dilakukan.

Oleh itu, norma baharu dalam penyediaan tenaga kerja manusia berkualiti dan berkejuruan perlu mengambil kira keperluan pandemik bagi membiasakan suasana pembelajaran baharu demi kemakmuran ekonomi negara.

**Penulis adalah** Profesor di Sekolah pendidikan, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor



Dr Muhammad  
Sukri Saud